

LEE MENG: WANITA KOMUNIS YANG MENGGEMPARKAN DUNIA

LEE MENG: THE WORLD'S TUMULTUOUS COMMUNIST WOMAN

Ho Hui Ling

Department of History, Faculty of Arts and Social Sciences, University of Malaya,
Kuala Lumpur, MALAYSIA
Email: hohuilin@um.edu.my

Published online: 30 April 2020

To cite this article: Ho Hui Ling. 2020. Lee Meng: Wanita komunis yang menggemparkan dunia. *Kajian Malaysia* 38(1): 141–167. <https://doi.org/10.21315/km2020.38.1.7>

To link to this article: <https://doi.org/10.21315/km2020.38.1.7>

ABSTRACT

This study aimed to examine the dramatic story of a woman, namely Lee Meng alias Lee Ten (Tian) Tai. The identity of Lee Meng, her involvement in the communist movement, and the arrest and trial of this woman be the focus in the study. The case of Lee Meng was attracted the attention of the local and international leaders and organisations. Lee Meng joined the communist movement since the Japanese Occupation. In 1950s, she was assigned as the head courier for Communist Party of Malaya (CPM) in Malaya. However, the involvement of Lee Meng was known to the Special Branch. Lee Meng was arrested at her rented home at Ipoh, Perak and prosecuted for offences of carrying hand grenade. She did not get justice in the trial court because the British's influence was so strong at that time. The arrest and trial of Lee Meng not only received the mercy of local community but also attracted the attention of international when the Government of Hungary agreed to make the subject interchange with Edgar Sanders. Edgar Sanders, a British citizen arrested on charges of being a spy by the Government of Hungary. Thus, the case of Lee Meng was used by the communists to show their strength and influence to society and the British. This case also became the world's tumultuous' case as it was depressed between two hostile powers namely the communists in Malaya and British. At the same time, the story of Lee Meng also attracted the attention of the leaders, socialist struggles and international women's organisations to defend the fate of this woman.

Keywords: communist woman, Communist Party of Malaya (CPM), communist courier, Edgar Sanders, British

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meneliti kisah dramatik yang menimpa seorang wanita iaitu Lee Meng alias Lee Ten (Tian) Tai. Identiti Lee Meng, penglibatannya dalam gerakan komunis sehingga penangkapan dan perbicaraan wanita ini menjadi fokus dalam kajian. Kes Lee Meng berupaya menarik perhatian pemimpin dan pertubuhan tempatan serta antarabangsa. Lee Meng menyertai gerakan komunis sejak zaman pendudukan Jepun. Pada tahun 1950-an, beliau ditugaskan sebagai ketua pembawa utusan Parti Komunis Malaya (PKM) di Tanah Melayu. Walau bagaimanapun, pembabitannya Lee Meng telah diketahui oleh pihak cawangan khas. Lee Meng ditangkap di rumah sewanya di Ipoh, Perak dan didakwa atas kesalahan membawa bom tangan. Beliau tidak mendapat keadilan dalam perbicaraan di mahkamah kerana pengaruh British yang begitu kuat pada ketika itu. Penangkapan dan perbicaraan Lee Meng bukan sahaja mendapat belas kasihan daripada masyarakat tempatan tetapi juga menarik perhatian antarabangsa apabila kerajaan Hungary bersetuju untuk menjadikannya sebagai subjek pertukaran dengan Edgar Sanders. Edgar Sanders, seorang warga British yang ditangkap atas tuduhan menjadi pengintip oleh kerajaan Hungary. Dengan itu, kes Lee Meng telah digunakan oleh pihak komunis untuk menunjukkan kekuatan dan pengaruhnya kepada masyarakat dan pihak British. Kes wanita komunis ini juga menjadi kes yang menggemparkan dunia kerana ia tersepit antara dua kuasa yang bermusuhan di Tanah Melayu iaitu komunis dan British. Pada masa yang sama, kisah Lee Meng turut menarik perhatian pemimpin, pejuang sosialis dan pertubuhan wanita antarabangsa untuk membela nasib wanita ini.

Kata kunci: wanita komunis, Parti Komunis Malaya (PKM), pembawa utusan komunis, Edgar Sanders, British

PENGENALAN

Lee Meng atau juga dikenali sebagai Lee Ten (Tian) Tai, nama yang tidak asing dalam gerakan komunis terutamanya kerana dikaitkan dengan sistem komunikasi bawah tanah Parti Komunis Malaya (PKM) pada zaman darurat. Sistem komunikasi merupakan kaedah penyampaian maklumat yang penting daripada pihak atasan PKM kepada anggota bawahan parti. Dalam hal ini, Lee Meng ditugaskan sebagai ketua kurier dan pembawa utusan utama yang merangkumi jalinan komunikasi PKM dari Singapura ke Johor dan Perak sehingga ke selatan Thailand. Walau bagaimanapun, kegiatan Lee Meng kemudiannya dapat dikesan dan ini membawa kepada penangkapannya oleh pihak berkuasa cawangan khas di Ipoh, Perak. Wanita ini seterusnya dihadap ke mahkamah dan didapati bersalah.

Kes yang mendapat liputan meluas daripada akhbar tempatan dan luar negara ini turut menarik perhatian pemimpin dan pertubuhan tempatan serta luar negara. Hal ini turut memperlihatkan munculnya perjuangan untuk membela nasib golongan wanita oleh pejuang sosialis dan pertubuhan wanita antarabangsa. Perbicaraan Lee Meng turut mendapat simpati daripada masyarakat tempatan kerana rayuan demi rayuan yang dikemukakan oleh peguam bela dari Tanah Melayu sehingga ke London. Perkara sebegini tidak pernah berlaku sebelum kes Lee Meng meskipun telah berlaku wanita yang ditangkap dan dihukum kerana penglibatan dalam gerakan komunis. Dengan itu, kajian ini akan meneliti kisah dramatik yang dialami oleh wanita komunis ini bermula daripada latar belakangnya, penangkapan dan perbicaraan serta impak kepada pihak British dan keadaan semasa di Tanah Melayu.

Setakat ini, kajian tentang Lee Meng belum mendapat perhatian sewajarnya daripada para pengkaji baik tempatan mahupun luar negara. Kajian yang menyebut tentang kisah Lee Meng hanya dimuatkan dalam buku *Chin Peng: My Side of History* (dalam bab 20: The Lee Meng Saga) (Ward dan Mirafior 2003, 335–350). Dalam bab buku ini, Chin Peng menceritakan secara ringkas tentang penangkapan Lee Meng, perbicaraan dan rayuan ke atas kesnya sehingga hukuman mati ditukar kepada hukuman penjara dan berakhir dengan beliau dihantar pulang ke China. Dalam sebuah buku Cina bertajuk *Lee Meng Kuo Shu Li Shi (Sejarah lisan dari Lee Meng)*, penceritaan tentang penangkapan dan perbicaraan juga hanya disebut sepintas lalu. Buku ini lebih merupakan luahan perasaan dan pandangan Lee Meng tentang kehidupannya sebelum penangkapan dan dalam tahanan. Penglibatannya dalam gerakan komunis hanya disebut secara ringkas. Walau bagaimanapun, apa yang penting dalam buku ini ialah Lee Meng mengaku dirinya terlibat dalam kegiatan PKM (Tay 2007). Selain itu, terdapat beberapa tulisan lain yang menyebut kisah Lee Meng secara sepintas lalu. Antaranya, dua buku oleh Leon Comber, *Malaya's Secret Police* (2008) dan *Templer and the Road to Malayan Independence* (2015) serta buku oleh Noel Barber, *The War of Running Dogs* (1971). Leon Comber dalam bukunya hanya mengaitkan Lee Meng dengan jalinan komunikasi PKM di negeri-negeri Melayu dan bagaimana sistem utusan PKM itu akhirnya dapat dikesan dan Lee Meng ditangkap oleh pihak cawangan khas. Begitu juga Noel Barber menghubungkan Lee Meng dengan rangkaian kurier yang dibina oleh PKM di negeri-negeri Melayu. Kedua-dua penulis ini tidak memberi perhatian tentang penangkapan mahupun perbicaraan Lee Meng. Justeru, makalah ini akan mendedahkan siapakah Lee Meng? Bilakah beliau mula terlibat dalam gerakan komunis dan peranannya dalam PKM? Bagaimanakah akhirnya penglibatan Lee Meng dapat dikesan dan beliau ditangkap oleh pihak cawangan khas? Kenapa dan bagaimanakah perbicaraan terhadap wanita muda ini boleh menimbulkan perasaan belas kasihan daripada masyarakat tempatan

dan juga membangkitkan kontroversi antarabangsa? Apakah nasib Lee Meng pada akhirnya? Apakah kepentingan kes Lee Meng kepada pentadbiran British, komunis dunia dan masyarakat umumnya? Persoalan-persoalan penting ini akan diberi perhatian dalam makalah ini.

GERAKAN KOMUNIS DAN PEMBABITAN WANITA

Sejak tahun 1920-an, penyebaran pengaruh dan ideologi komunis ke negeri-negeri Melayu telah dikesan. Penyebaran pengaruh komunis bermula dengan gerakan Kuomintang (KMT), penyerapan kegiatan komunis dalam sekolah, penerbitan dan kesatuan sekerja sehingga PKM ditubuhkan pada April 1930. PKM bertujuan untuk menguasai Tanah Melayu dan menjadikannya sebuah republik komunis (Ho 2004, 2–6). Matlamat PKM ini adalah selaras dengan cita-cita komunis antarabangsa (Communist International atau Comintern) yang berpusat di Moscow, Soviet Union (Rusia pada hari ini). Comintern merupakan badan komunis tertinggi yang sentiasa mengawasi perkembangan gerakan komunis di seluruh dunia sama ada negara Eropah mahupun negara Asia. Pada masa yang sama, gerakan komunis di Tanah Melayu turut dipengaruhi oleh komunis China kerana orang Cina datang dari China dengan membawa bersama ideologi dan budaya hidup mereka ke negeri-negeri Melayu. Ejen komunis China turut dihantar untuk mengatur gerakan komunis di negeri-negeri Melayu menjelang penubuhan PKM. Pada ketika itu komunis China pula adalah berada di bawah naungan Comintern (Ho 2015, 2–4). Dengan itu, wujudlah hubungan antara PKM dengan blok komunis dunia sejak awal lagi.

Sejak ditubuhkan, PKM terus bergerak sebagai sebuah pertubuhan yang aktif sehingga pada zaman pendudukan Jepun (1941–1945) dan selepas perang. Pada Jun 1948, PKM mengambil keputusan untuk memulakan pemberontakan bersenjata demi mencapai matlamat perjuangan iaitu bagi menguasai Tanah Melayu. Komunis menggunakan taktik gerakan bersenjata dengan melancarkan banyak kegiatan bercorak kekerasan dan keganasan termasuk menyerang dan membunuh orang awam serta anggota keselamatan, mengganggu kerja-kerja di estet dan lombong, mensabotaj kemudahan awam serta merosakkan harta benda persendirian dan kerajaan (Ho, 2004, 43–73). Tindakan komunis menyebabkan ketidakstabilan pentadbiran dan sosioekonomi serta boleh mengancam keselamatan negara. Dengan itu, pentadbiran British di Tanah Melayu mengisytiharkan Undang-undang Darurat pada 18 Jun 1948. Undang-undang ini memberi kuasa yang luas kepada pihak pentadbiran dalam mengatur langkah-langkah bagi mengawal dan menangani masalah komunis (Ho 2010, 51–203). Usaha pihak kerajaan telah menyukarkan pergerakan komunis kerana mereka sentiasa diawasi dan diburu

oleh pihak keselamatan di Tanah Melayu. Hal ini termasuklah sistem komunikasi komunis yang sentiasa diawasi secara rapi oleh pihak kerajaan.

Dalam perjuangan PKM, sistem komunikasi amatlah penting supaya arahan daripada pemimpin dan Jawatankuasa Kerja Pusat PKM (Politburo) dapat disebarkan dan disampaikan kepada anggota bawahannya untuk bertindak. Pada zaman darurat, PKM mendapati sistem komunikasi biasa yang menggunakan surat, telefon dan telegram untuk menyampaikan arahan, mesej dan maklumat kepada anggota bawahan sudah tidak selamat lagi digunakan. Kaedah penyampaian maklumat ini telah diawasi oleh pihak keselamatan melalui kawalan dan pemeriksaan yang kerap dilakukan pada zaman darurat. Dalam hal ini, PKM mendapati pembawaan utusan adalah kaedah yang paling selamat dan berkesan dalam menyebarkan arahan pemimpin pusat kepada pihak bawahannya. Menurut Richard Clutterbuck, kaedah pembawa utusan atau *jungle courier* digunakan oleh PKM sebagai sistem komunikasi utama parti sejak awal zaman darurat. Hal ini kerana kaedah ini tidak mudah dikesan oleh pasukan keselamatan. Sebaliknya, kaedah ini memudahkan pengambilan semula mesej yang disorokkan oleh pemimpin tertinggi PKM di sesebuah lokasi yang telah ditetapkan (Clutterbuck 1967, 89). Di sini timbullah kepentingan wanita dalam sistem komunikasi PKM. Wanita biasanya ditugaskan sebagai pembawa utusan (kurier) oleh PKM kerana mereka tidak mudah dikesan oleh pasukan keselamatan berbanding dengan lelaki. Mereka juga lebih mudah menyimpan maklumat yang dibawanya berbanding dengan lelaki. Begitu juga wanita lebih mudah melepaskan diri dalam pemeriksaan yang dijalankan oleh pihak keselamatan berbanding dengan pemeriksaan yang lebih ketat ke atas lelaki (Azaharudin 2014, 317).

Walaupun majoriti pemimpin dan anggota PKM adalah lelaki, namun wanita turut terlibat dalam gerakan PKM. Mereka menyumbang kepada kekuatan anggota dan strategi parti. Dalam PKM, wanita mengambil bahagian dalam memasak, menjahit, bercucuk tanam, berburu, mencari makanan, merawat pesakit dan juga mengangkat senjata bersama-sama dengan anggota lelaki. Mereka juga berperanan penting dalam jalinan komunikasi bawah tanah PKM iaitu sebagai kurier selain menjadi anggota atau pemimpin penting dalam parti (Mahani 2013, 238; Crisp 2004, 65). Malah sistem komunikasi parti bergantung kepada kurier wanita. Dalam jalinan komunikasi PKM, antaranya Lee Meng adalah seorang ketua pembawa utusan yang penting bagi PKM di Tanah Melayu pada awal tahun 1950-an. Selain itu, antara nama-nama pemimpin dan anggota komunis wanita dalam PKM termasuk Shamsiah Fakeh, Suriani Abdullah (Eng Ming Ching), Siti Norkiah Mahmud, Zaleha Mat Roni, Ropiah Mat Yatim, Aminah Hj. Hassan, Siti Meriyam alias Atom, Zamiah Latif, Siti Nong Ishak dan lain-lain. Keadaan ini memperlihatkan pentingnya peranan wanita dalam PKM dan mereka turut memikul tanggungjawab yang berat sebagaimana komunis lelaki. Kepentingan

peranan yang dimainkan oleh wanita dalam perjuangan PKM telah dicatatkan dalam *Freedom News* 15 Mac 1953 seperti berikut:

In the Malayan revolutionary history, especially during the period of resistance against Japan and the present period of anti-British war, numerous fine women Communist Party members, women cadets and the masses of women revolutionaries made their appearances. Like men they have conducted struggles, toiled and shed their blood. They have undertaken all manner of difficult and dangerous tasks, and exerted their utmost for the sake of the people and the revolution ... When deemed necessary, they will without demur sacrificed their lives for the Party. (Ramakrishna 2008, 124)

Sebahagian daripada wanita yang menyertai gerakan komunis disebabkan terpengaruh dengan kegiatan PKM sejak di bangku sekolah. Sejak komunis bergerak di negeri-negeri Melayu seawal tahun 1920-an, sekolah Cina merupakan antara pusat penting untuk komunis menyebarkan pengaruh dan memperoleh barisan penyokong. Dengan itu, wanita muda yang berpendidikan diberi latihan ketenteraan dan menjadi penggerak penting dalam PKM seperti Eng Ming Ching (Suriani Abdullah). Selain itu, terdapat juga wanita muda yang menjadi anggota komunis kerana didorong oleh kesusahan hidup dan berjuang bagi pembebasan wanita daripada belenggu ketidakadilan serta penindasan. Golongan ini tertarik dengan perjuangan PKM untuk membela nasib golongan yang terpinggir dan membebaskan mereka daripada ketidakadilan melalui penentangan terhadap imperialisme. Kebanyakan daripada mereka datang daripada keluarga miskin dan golongan buruh. Terdapat juga sebilangan wanita yang menyertai gerakan revolusi demi membebaskan tanah air daripada penjajahan British seperti Shamsiah Fakeh dan Siti Norkiah (Mahani 2013, 229–230; Crisp 2004; Mohamed Salleh 2011; Shamsiah 2007; Suriani 2006). Semangat dan perjuangan menentang penjajah telah menjadi titik tolak kepada pembabitan mereka dalam kancah politik kiri termasuk gerakan bersenjata komunis.

PENGLIBATAN LEE MENG DALAM GERAKAN KOMUNIS

Setakat ini latar belakang Lee Meng dan penglibatannya dalam gerakan komunis masih agak kabur. Kajian dan penulisan yang sedia ada tidak mendalami perkara ini. Lee Meng dilahirkan di China pada tahun 1926 dan kemudian mengikut keluarganya berpindah ke Tanah Melayu pada tahun 1930. Dalam usia 10 tahun Lee Meng sekeluarga telah menetap di Ipoh, Perak (*Sin Chew Jit Poh* 21 Mac 1953). Beliau mendapat pendidikan Cina yang baik dan juga boleh berbahasa Inggeris. Selain itu, beliau berpeluang mendapat pendidikan rendah di sebuah sekolah Cina

di Ipoh dan meneruskan pendidikan menengah rendah di sekolah malam sehingga Jepun mara ke Tanah Melayu. Apabila Jepun menyerang Tanah Melayu, dua orang kakaknya telah bergiat dalam gerakan anti-Jepun. Lee Meng turut terpengaruh dan mula menyertai gerakan bawah tanah untuk menentang Jepun. Seterusnya beliau menjadi anggota PKM pada tahun 1942 ketika berusia 16 tahun. Dalam usia yang muda, Lee Meng diberi tugas untuk mempengaruhi pelajar dan pekerja di kawasan Ipoh supaya menyertai gerakan bawah tanah komunis. Selepas itu, beliau mula memikul tanggungjawab yang berat apabila dilantik sebagai kerani bagi menguruskan segala kegiatan PKM di kawasannya dan seterusnya menjadi ahli Jawatankuasa PKM negeri Perak sebelum dilantik menjadi ketua kurier oleh Jawatankuasa Pusat PKM. Selain itu, Lee Meng dipercayai menjadi guru di sebuah sekolah Cina di Teluk Anson, Perak ketika zaman Pentadbiran Tentera British (British Military Administration) (Tay 2007, 13–15; *The Straits Times* 10 Mac 1953). Rajah 1 menunjukkan gambar Lee Meng.



Rajah 1: Lee Meng (Lee Ten/Tian Tai).

Sebenarnya, penglibatan Lee Meng dalam kegiatan komunis turut dipengaruhi oleh ibunya. Selepas zaman pendudukan Jepun, ibu Lee Meng juga terbabit dalam gerakan PKM untuk menentang penjajah British. Ibunya kemudian ditangkap pada tahun 1949 lalu dihantar balik ke China pada tahun berikutnya (Ward dan Mirafior 2003, 339; Tay 2007, 8). Justeru, tidak dapat dinafikan pembabitan Lee Meng

dalam gerakan komunis juga dipengaruhi oleh faktor latar belakang keluarganya. Di sini dapat dilihat penglibatan Lee Meng dalam menentang Jepun melalui gerakan bawah tanah sehinggalah perjuangan menentang penjajah British melalui gerakan komunis. Hal ini bertepatan dengan apa yang dinyatakan oleh Chin Peng dalam bukunya, *Chin Peng: My Side of History*, Lee Meng menjadi anggota PKM sejak zaman pendudukan Jepun dan bertugas dengan salah seorang ahli Jawatankuasa PKM Negeri Perak (Ward dan Mirafflor 2003, 348). Ketika di Perak, Lee Meng memainkan peranan dalam beberapa gerakan komunis yang penting termasuklah sebagai ketua kumpulan Kepayang di kawasan Ipoh yang terlibat dalam banyak kejadian keganasan di kawasan itu. Wanita inilah yang mengetuai kumpulan komunis yang melakukan beberapa kejadian serangan bom tangan di Perak. Lee Meng juga dikatakan adalah seorang komrad yang sangat berdedikasi dalam tugasnya. Justeru, Lee Meng disenaraikan sebagai antara anggota komunis yang amat dikehendaki oleh pihak cawangan khas dan kerajaan meletakkan nilai \$120,000 (dollar Malaya) kepada sesiapa yang berjaya menangkapnya (*The Straits Times* 10 Mac 1953; Comber 2015, 140). Nama Lee Meng semakin dikenali apabila Chin Peng sedang mencari seseorang untuk mengetuai jalinan utusan PKM bagi menggantikan tempat Jhen Yin Fen yang telah dihantar oleh PKM ke China. Pada ketika itulah, setiausaha PKM Perak mencadangkan nama Lee Meng kepada Chin Peng.

Jhen Yin Fen merupakan kurier wanita terbaik pada pandangan Chin Peng. Beliau bertugas sebagai guru di sebuah sekolah rendah Cina di Ipoh, Perak dan menjadi penyelaras sekumpulan kurier yang terdiri daripada beberapa orang wanita. Beliau juga berjaya mengembangkan jalinan komunikasi di beberapa kem di Perak dan Selangor dengan ibu pejabat Chin Peng di Mentakab, Pahang. Beliau kemudiannya ditangkap oleh polis kerana terlibat dalam penyebaran risalah komunis. Setelah disiasat, beliau dibebaskan tetapi di bawah pengawasan pihak berkuasa. Sejak itu, sistem jalinan komunikasi di bawahnya menjadi lumpuh. Jhen kemudian menyusup masuk ke dalam hutan di Mentakab untuk berjumpa dengan Chin Peng lalu diatur untuk dihantar pulang ke China. Selain Jhen Yin Fen, terdapat seorang lagi kurier wanita yang penting bernama Lee Jhen. Beliau merupakan antara tiga orang ahli Malayan People's Anti Japanese Army (MPAJA) yang masih hidup selepas perang. Lee Jhen diberi latihan asas dalam kemahiran mengendalikan wayarles oleh Force 136 tetapi terhad kepada "reception/transmission theory, Morse Code and equipment maintenance". Pada pertengahan tahun 1949, Lee Jhen diarahkan oleh Chin Peng untuk memberi latihan kemahiran mengendalikan wayarles kepada Malayan National Liberation Army (MNLA). Walau bagaimanapun, Lee Jhen kemudiannya dibunuh oleh askar Gurkha dalam satu pertempuran di Pahang Tengah pada lewat tahun 1950 (Comber 2015, 335–338; 2008, 221; *The Straits Times* 10 Mac 1952). Dalam keadaan itu, Chin Peng berusaha untuk mencari seorang kurier baharu bagi menggerakkan sistem jalinan

perhubungan PKM dan pada ketika itu juga muncul nama Lee Meng, seorang wanita Cina Kantonis dalam usia 20-an.

Lee Meng dipilih sebagai ketua kurier PKM kerana hubungannya yang rapat dengan Jhen Yin Fen sebelum Jhen ditangkap. Lee Meng dan Jhen Yin Fen merupakan rakan baik dan bersama-sama berkhidmat untuk parti. Hubungan erat itu membolehkan Lee Meng mengetahui selok-belok tugas dan gerakan Jhen Yin Fen dalam mengendalikan komunikasi bawah tanah parti dan penyampaian utusan PKM. Lee Meng juga dikatakan seorang anggota yang berdedikasi dan cekap (Tay 2007, 51–52). Dengan itu, Lee Meng dilihat sebagai orang yang paling sesuai untuk menggantikan tempat Jhen Yin Fen. Lee Meng dilantik sebagai ketua pembawa utusan atau kurier bagi Jawatankuasa Pusat PKM pada sekitar tahun 1950. Beliau diarahkan untuk mengendalikan jalinan perhubungan antara Ipoh dengan Singapura dan Jawatankuasa Pusat PKM di selatan Thailand. Pada masa yang sama, Lee Meng juga menjalankan tugas sebagai seorang anggota komunis (komrad) di bawah Jawatankuasa PKM negeri Perak. Dalam hal mengenai tugas Lee Meng ini, Chin Peng menyatakan Lee Meng menjalankan dua peranan secara serentak:

With hindsight I should have made it very clear that Lee Meng be made to undertake only one specific task at a time. Either she should operate only as a courier under the direction of the Central Committee, or, she should be restricted to guerrilla activities under the state committee. Without clear direction, Lee Meng started mixing her work as a courier with her guerrilla duties. (Ward dan Mirafior 2003, 348)

Situasi inilah yang dialami oleh Lee Meng di mana beliau memainkan peranan sebagai pembawa maklumat dan pada masa yang sama juga sebagai anggota gerila komunis yang aktif di peringkat negeri Perak. Chin Peng dalam bukunya *My Side of History* mengakui Lee Meng adalah seorang anggota komunis yang berani dan berbakti (*dedicated communist*) kepada PKM. Beliau sering kali bergerak di dalam hutan bersama-sama dengan kumpulan komunis bersenjata pada awal zaman darurat di Tanah Melayu (Ward dan Mirafior 2003, 348). Justeru, peranan yang dimainkan oleh Lee Meng di peringkat PKM pusat dan peringkat negeri telah menunjukkan wanita turut memikul tanggungjawab yang berat dan penting dalam perjuangan PKM pada ketika itu.

Noel Barber dalam bukunya bertajuk *The War of Running Dogs* menjelaskan bahawa pembabitan Lee Meng dalam kancah komunisme peringkat tertinggi berlaku kerana Chin Peng memerlukan seseorang yang berpengalaman dalam mengkoordinasi sistem perhubungan PKM. Orang tersebut menjadi seolah-olah *postmaster-general* dalam memastikan sistem perhubungan PKM dapat berjalan dengan lancar dan Lee Meng telah dipilih untuk tugas tersebut.

Beliau turut diminta menyamar sebagai seorang pekerja lombong timah untuk memudahkan tugas dan melindungi identiti sebenar supaya tidak mudah dikesan oleh pihak kerajaan. Perkara ini sebagaimana yang dinyatakan oleh Noel Barber:

He (Chin Peng) needed one person to co-ordinate the system, to be in effect postmaster-general, and he chose a young and pretty Chinese girl called Lee Meng. She had already earned a reputation as a cunning fighter and organizer. Chin Peng told her to go to Ipoh to establish a communications centre. He gave her enough money to find a small room, get a job as a casual labourer in the local tin mines, which would give her freedom of movement when necessary, yet provide her with a cover (1971, 78).

Dalam pada itu, Noel Barber dalam bukunya turut menyifatkan Lee Meng sebagai “she was the virtual boss of the Communist Courier network” dan salah seorang daripada “the top twenty communists in Malaya” (1971, 150 dan 160).

Sementara itu, bagi Anthony Short, “Lee Meng was one of the most ruthless and capable members of the Min Yuen in Ipoh” (2000, 384). Keadaan ini menunjukkan Lee Meng setelah dilantik mengetuai pembawa utusan PKM, beliau juga menjadi antara anggota komunis yang begitu penting dalam gerakan PKM. Menurut Anthony Short juga, pada masa yang sama Lee Meng turut menjadi ahli PKM Jawatankuasa negeri Perak dan juga memegang beberapa jawatan penting dalam organisasi PKM di Perak seperti pemimpin Kumpulan Kepayang di daerah Ipoh ketika bermulanya zaman darurat dan setiausaha PKM Jawatankuasa Daerah yang bertanggungjawab terhadap kegiatan komunis di Jalan Chemor-Kuala Kangsar di Perak sebelum Lee Meng berpindah ke Ipoh sebagai setiausaha PKM Jawatankuasa bandar Ipoh (1975, 383–385). Leon Comber (2008, 219) pula mengatakan Lee Meng adalah:

The leader of the notorious Kepayang Gang operating in the Ipoh area, and a leading communist operating under the direction of the CPM’s Central Committee, who headed the communications system connecting Ipoh with Singapore and the CPM’s Central Committee in southern Thailand.

Berdasarkan pandangan kedua-dua orang pengkaji Anthony Short dan Leon Comber, adalah jelas bahawa Lee Meng sememangnya merupakan anggota penting dalam gerakan PKM di sekitar Ipoh, Perak. Pada masa yang sama, beliau juga mendapat kepercayaan daripada pihak Jawatankuasa Pusat PKM dan diberi tugas yang penting dalam memastikan gerakan komunis berjalan dengan lancar.

PENANGKAPAN LEE MENG

Dalam membicarakan penangkapan Lee Meng, usaha cawangan khas dalam menjejaki dan memecahkan sistem jalinan komunikasi PKM sehingga dapat mengesan pembawa utusan PKM harus diberi penghargaan. Operasi mengesan jalinan komunikasi PKM dipertanggungjawabkan kepada seorang pegawai kanan cawangan khas, iaitu Detektif Inspektor Irene Lee.¹ Operasi cawangan khas ini bermula sekitar awal tahun 1952 apabila mereka memperoleh petunjuk pertama melalui isyarat pengesan yang dipasang oleh cawangan khas pada sebuah radio milik PKM. Radio berkenaan secara tiba-tiba mengeluarkan isyarat yang secara tidak langsung menunjukkan kedudukan anggota PKM. Isyarat ini membawa kepada penyerbuan pihak berkuasa terhadap sebuah kem komunis di kawasan Selangor (Comber 2008, 228). Setelah pemeriksaan dilakukan, pihak polis menjumpai sebuah beg yang dipercayai ditinggalkan oleh komunis. Dalam beg itu mengandungi beberapa keping kertas nipis yang dilipat dan digulung dengan cermat dengan garisan dilukis di atas dan tepi kertas. Setiap gulung kertas itu ditutup rapat dengan gam hutan. Salah satu gulung kertas itu mendedahkan nama seorang kurier wanita yang bergerak aktif di Singapura, iaitu Lee Meng. Justeru, pada Februari 1952, Irene ditugaskan untuk melakukan operasi menjejaki nama tersebut (Barber 1971, 149–150). Dalam menjalankan tugas, Irene bekerjasama rapat dengan pihak cawangan khas di Singapura sehingga beberapa orang kurier wanita komunis dapat dikesan di Singapura. Seterusnya daripada maklumat yang diperoleh itu telah membolehkan penangkapan Lee Meng di Ipoh, Perak.

Irene mula menjejaki kurier yang dikenal pasti sebagai Ah Shu@Ah Soo, seorang guru sekolah Cina. Beliau juga adalah isteri Wong Fook Kwang@Tit Fung, seorang anggota komunis yang telah ditahan oleh pihak polis cawangan khas Singapura (Comber 2008, 229). Usaha ini membuahkan hasil setelah tiga minggu Irene mengawasi gerakannya yang selalu membeli-belah di Robinson, sebuah gedung membeli-belah terbesar dan tersibuk di Raffles Place, Singapura. Irene mendapati Ah Shu selalu berjumpa dengan seorang wanita Cina di gedung membeli-belah berkenaan. Irene juga mendapati mereka telah beberapa kali menukar maklumat dengan cara menukar beg membeli-belah yang sama antara satu sama lain. Setelah mengetahui teknik mereka berhubung, Irene kemudiannya mempergiatkan operasi dan berjaya menangkap wanita tersebut. Setelah diperiksa, dijumpai maklumat bertulis (sekeping nota kecil) disorokkan di bawah tin bedak bayi jenama Baby Johnson. Dengan itu, wanita tersebut “dipaksa” untuk bekerjasama dengan pihak cawangan khas. Bagi memastikan wanita tersebut tidak melarikan diri, gambarnya dengan dua orang anggota polis diambil. Pihak berkuasa menyatakan akan menyebarkan sejumlah 50,000 keping risalah kepada

pihak komunis dalam hutan sekiranya wanita itu enggan bekerjasama (Barber 1971, 150–151; Comber 2008, 229). Tindakan ini dilakukan oleh pihak berkuasa bagi memastikan wanita berkenaan tidak berkesempatan untuk melarikan diri.

Selepas itu Irene meneruskan usaha untuk menjejaki ketua jaringan komunikasi PKM. Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada kurier PKM di atas, Irene menemui pula kurier berikutnya di Yong Peng, Johor. Dengan menyamar sebagai kurier PKM, Irene berjaya memperdayakan kurier wanita di Yong Peng itu. Irene berjaya mempengaruhi wanita berkenaan yang kemudiannya bersetuju memberi kerjasama yang penuh kepada pihak cawangan khas. Maklumat yang diperolehi seterusnya membawa Irene ke sebuah estet di Jerantut, Pahang, iaitu Estet Jenderak. Di situ Irene menyamar sebagai penoreh getah untuk tempoh beberapa minggu. Kurier PKM di situ dikenali sebagai Chen Lee yang juga seorang anggota Min Yuen. Irene mendapati Chen Lee bukan sahaja berfungsi sebagai kurier tetapi turut sama dalam membekalkan makanan dan ubat-ubatan kepada anggota PKM di sekitar Jerantut. Setelah memperoleh maklumat yang dipercayai, Chen Lee ditangkap. Daripada maklumat yang dibekalkan oleh Chen Lee telah membawa Irene ke sebuah kedai buku di Batu Road, Kuala Lumpur (Barber 1971, 153–154; Comber 2008, 230).

Walau bagaimanapun, usaha untuk mendapatkan maklumat daripada kedai buku tersebut sangat sukar kerana kedai itu terletak di kawasan yang sibuk di tengah-tengah bandar Kuala Lumpur. Untuk mencari peluang menyusup masuk ke dalam kedai buku, cawangan khas membentuk sebuah syarikat eksport-import dan membeli sebuah estet kecil nanas di Johor. Ketika lori yang membawa nanas dalam tin dalam perjalanan dari Johor ke Kuala Lumpur dan seterusnya ke Pulau Pinang untuk dieksport, tayar lori telah bocor berdekatan dengan kedai buku berkenaan. Pemandu lori telah meminta bantuan daripada pekerja kedai buku dan di kesempatan itu, Irene berpeluang menyusup masuk ke dalam kedai buku tersebut tanpa diketahui oleh perisik PKM. Di dalam kedai buku itu, pihak cawangan khas menemui dua maklumat penting yang dapat membantu tindakan mereka selanjutnya. Pertama, pusat jaringan komunikasi PKM bukanlah di Kuala Lumpur tetapi di Ipoh, Perak; dan yang kedua, sistem jaringan komunikasi PKM dijalankan oleh seorang wanita (Barber 1971, 154–156). Maklumat yang diperolehi akhirnya membawa Irene ke Ipoh dan nama Lee Meng muncul dalam radar cawangan khas.

Berdasarkan maklumat yang diperolehi, pada 24 Julai 1952 pihak polis cawangan khas menyerbu sebuah rumah di Jalan Lahat, Ipoh, Perak. Rumah itu turut dijadikan sebagai pusat koordinasi jaringan perhubungan PKM. Dalam operasi yang dijalankan, cawangan khas berjaya menangkap dua orang wanita yang disyaki mempunyai hubungan dengan PKM. Dua wanita tersebut ialah Cheow Yin dan Lee Meng (berumur 24 tahun). Pemeriksaan di rumah berkenaan menemui dokumen yang tersedia dalam laci sebuah meja usang untuk dihantar. Penemuan itu menjadi bukti kukuh bahawa Lee Meng sememangnya watak penting dalam

sistem jaringan komunikasi PKM. Kedua-dua wanita itu kemudiannya dibawa ke balai polis dan disoal siasat. Terdapat sumber yang menyatakan Cheow Yin membunuh diri ketika berada dalam tahanan polis. Manakala Lee Meng pula ditahan oleh pihak polis untuk siasatan selanjutnya (Comber 2008, 230; Barber 1971, 156–157; Ward dan Miraflor 2003, 338). Setelah selesai proses soal siasat, pihak polis mendapati Lee Meng adalah anggota aktif PKM. Pihak polis bertindak menghadap Lee Meng ke Mahkamah Majistret Ipoh atas tuduhan membawa bom tangan ketika bergerak di Kepayang dan Gunung Rapat di Ipoh, Perak antara 15 Ogos 1948 hingga 30 September 1951. Selain itu, beliau juga dituduh berdampingan dengan orang yang mempunyai senjata dan peluru yang boleh membahayakan ketenteraman awam serta keselamatan negara. Kesemua tuduhan itu boleh membawa hukuman mati kepada Lee Meng di bawah Peraturan 4(1)(b), Undang-undang Darurat 1948. Dengan itu, Lee Meng dibawa ke Penjara Taiping sementara menunggu untuk dihadap ke perbicaraan di mahkamah pada 29 Ogos 1952 (Ward dan Miraflor 2003, 339; *The Straits Times* 3 September 1952 dan 11 September 1952).

Penangkapan Lee Meng merupakan satu kejayaan bagi pihak cawangan khas dalam usaha membanteras gerakan komunis. Penahanan Lee Meng sebenarnya memberi peluang kepada cawangan khas yang selama ini berusaha mengesan sistem penghantaran maklumat dan rangkaian komunikasi PKM. Pencapaian cawangan khas juga dapat dilihat melalui pengesanan beberapa orang pembawa utusan wanita komunis di Singapura, Johor dan Pahang sehingga penangkapan Lee Meng di Ipoh, Perak yang dipercayai adalah ketua pembawa utusan PKM di Tanah Melayu. Walau bagaimanapun, cawangan khas menghadapi masalah dalam mendakwa Lee Meng. Oleh kerana usaha membanteras komunis masih berjalan, pihak cawangan khas tidak dapat mendakwa Lee Meng dengan dakwaan yang sebenarnya memandangkan tindakan itu akan mengganggu operasi cawangan khas selanjutnya dalam memusnahkan sistem jalinan perhubungan PKM. Dalam hal ini Noel Barber (1971, 157) mengatakan:

Special Branch did not want Lee Meng's duties as courier mentioned in court, for they still hoped that Chin Peng might believe she had been arrested purely by chance. They wanted to guard the usefulness of the other communist terrorists (CTs) along the route, so when Lee Meng was brought to trial at Ipoh, she was charged with having possessed a hand-grenade, for which the mandatory penalty was death.

Demi kepentingan tugas dan operasi cawangan khas yang masih berjalan dalam menghapuskan gerakan komunis di negeri-negeri Melayu, akhirnya Lee Meng hanya didakwa atas kesalahan membawa bom tangan dan kesalahan ini boleh membawa hukuman mati terhadapnya.

PERBICARAAN LEE MENG

Penangkapan dan pendakwaan ke atas Lee Meng menimbulkan kekecewaan orang awam terhadap sistem kehakiman British di tanah jajahannya. Perkara ini akhirnya melahirkan perasaan belas kasihan penduduk tempatan terhadap Lee Meng. Perbicaraan Lee Meng juga membangkitkan minat antarabangsa kerana wujud ketidakadilan dalam membicarakan kes ini oleh mahkamah di bawah penguasaan pentadbiran British pada ketika itu. Lee Meng dihadapkan ke mahkamah oleh pihak pentadbiran British pada 29 Ogos 1952 dan segala pertuduhan yang dibacakan terhadapnya membawa kepada hukuman mati. Tuduhan Lee Meng membawa bom tangan merupakan satu kesalahan serius yang mampu membawa hukuman mati terhadapnya. Dalam kes Lee Meng, beliau dibicarakan di hadapan Hakim J. Thomson, pendakwaan dilakukan oleh M.G. Neal dengan dibantu oleh dua orang penilai dari Asia iaitu seorang Cina dan seorang India (FO 371/106275, From Singapore to Foreign Office, 24th January 1953). Lee Meng pula diwakili oleh S.P. Seenivasagam, seorang peguam dari Ipoh, Perak (juga ahli penting dalam People's Progressive Party di Ipoh, Perak) (*Singapore Standard* 21 Ogos 1952). Keadaan inilah yang menjadi latar belakang perbicaraan kes Lee Meng pada ketika itu.

Perbicaraan Lee Meng di hadapan Hakim J. Thomson mendapat perhatian daripada orang ramai. Kes ini menarik perhatian bukan sahaja kerana daya tarikan yang ada pada Lee Meng yang disifatkan sebagai seorang wanita yang cantik dan menarik, tetapi juga kerana ia membabitkan seorang ahli PKM. Pendakwaan terhadap Lee Meng menggunakan sembilan orang saksi yang kesemuanya merupakan bekas anggota PKM (Surrendered Enemy Personnel, SEP) yang telah menyerah diri kepada pihak kerajaan. Mereka terdiri daripada lapan orang Cina dan seorang Tamil. Saksi-saksi menyatakan dalam mahkamah bahawa mereka pernah bersama dengan Lee Meng ketika berada di dalam hutan dan Lee Meng dikatakan membawa bom tangan yang diikatkan pada pinggangnya. Mahkamah juga ditunjukkan dengan sekeping gambar yang dikatakan ditemui di sebuah gua di Gopeng, Perak. Gambar itu sebenarnya ditemui oleh seorang anggota polis yang menyamar sebagai anggota komunis dan ia dijadikan sebagai bukti pembabitkan Lee Meng dalam PKM. Seorang wanita berpakaian seragam komunis dan memegang selaras senapang serta bom tangan dalam gambar itu dikatakan adalah Lee Meng. Walau bagaimanapun, Lee Meng menafikan dirinya adalah wanita dalam gambar tersebut. Sebaliknya, beliau menegaskan dirinya adalah Lee Ten (Tian) Tai sebagaimana nama yang terdapat dalam kad pengenalan. Lee Meng juga mengatakan antara tahun 1948–1950, beliau berada di Singapura dan tinggal bersama dengan kakaknya pada ketika itu dan tidak berada di Ipoh serta tidak terbabit dalam gerakan komunis sebagaimana tuduhan terhadapnya (Ward dan

Miraflor 2003, 341; Barber 1971, 158; CO 1022/5, Lee Ten Tai (Lee Meng); Tay 2007, 66–69; *The Straits Times* 29 Januari 1964; 15 Julai 1968).

Sementara itu, dalam membela nasib anak guamannya, S.P. Seenivasagam mengatakan segala bukti yang ditunjukkan di mahkamah tidak seharusnya diterima terutama pengakuan sembilan orang saksi yang juga merupakan bekas anggota komunis. Hal ini kerana ketika itu mereka sedang dalam proses menunggu pengampunan daripada pihak kerajaan dan bersedia bekerjasama dengan pihak berkuasa. Menurut Seenivasagam, keadaan itu secara langsung menjejaskan kreadibiliti saksi tersebut. Saksi-saksi itu juga tidak dapat menunjukkan bukti yang meyakinkan bahawa mereka mengenali Lee Meng dan pernah bergerak bersama-sama dengannya. Begitu juga peguam bela yang mewakili Lee Meng menegaskan bahawa gambar lama yang ditunjukkan dalam mahkamah tidak dapat dijadikan bukti yang kukuh kerana tidak diketahui tarikh sebenar gambar itu diambil (Comber 2008, 232; *The Straits Times* 15 Julai 1968). Bagi Seenivasagam, “The trial judge had sentenced Lee without passing conviction” dan bukti yang dikemukakan dalam mahkamah adalah “tainted” (*The Straits Times* 8 Oktober 1952). Dalam hal ini, Lee Meng sebaliknya menegaskan bahawa saksi yang mengetahui hal yang sebenar adalah rakan serumahnya, Cheow Yin (Comber 2008, 232; Barber 1971, 158). Apabila Lee Meng datang ke Ipoh, beliau tinggal bersama rakannya Cheow Yin. Beliau ingin memanggil Cheow Yin sebagai saksi kerana mereka ditahan bersama oleh pihak cawangan khas. Namun begitu, perkara itu tidak mungkin berlaku kerana Cheow Yin telah membunuh diri dalam tahanan (Ward dan Miraflor 2003, 342). Dengan demikian, Lee Meng gagal mendapatkan saksi untuk menyokong hujahnya. Selepas tiga hari perbicaraan berlangsung, mahkamah pun membuat keputusan. Dua orang penilai dari Asia mendapati Lee Meng tidak bersalah. Laporan penilaian mereka tidak menepati keinginan pihak pemerintah British. Malah Hakim J. Thompson mendapati penilaian tersebut sangat lemah hingga memutuskan untuk diadakan perbicaraan semula (Barber 1971, 158; Ward dan Miraflor 2003, 342; Harper 1999, 157).

Dalam perbicaraan kes Lee Meng, jelas terdapat penyimpangan pendapat antara penilai British dan Asia. Justeru, perbicaraan kali kedua diadakan 10 hari kemudian di Assize Court di Ipoh, Perak pada September 1952. Perbicaraan kali ini diketuai oleh Hakim J. Pretheroe dengan dua orang penilai yang berbeza, seorang dari Asia dan seorang lagi dari Eropah (*The Straits Times* 9 September 1952). Selepas tiga hari perbicaraan berlangsung, penilai dari Asia (seorang Cina yang dikenali sebagai Tan) mendapati Lee Meng tidak bersalah, namun penilai dari Eropah (Wolfenden) dan Hakim J. Pretheroe pula mendapati Lee Meng bersalah dalam kes ini. Berdasarkan keputusan dua lawan satu, Hakim J. Pretheroe memutuskan Lee Meng bersalah. Dengan itu, Lee Meng dijatuhi hukuman mati dan dibawa ke Penjara Taiping untuk menunggu hukumannya dilaksanakan

(CO 1022/5, Lee Ten Tai (Lee Meng); Ward dan Miraflor 2003, 344; *The Straits Times* 11 September 1952). Seterusnya, peguam bela Lee Meng berusaha mencari jalan untuk membebaskan Lee Meng daripada hukuman mati dan membuat rayuan di Mahkamah Rayuan Persekutuan di Kuala Lumpur. Namun, usaha ini gagal apabila Ketua Hakim Persekutuan Tanah Melayu, Charles Mathew menolak rayuan berkenaan. Lee Meng melalui peguam belanya juga menghantar rayuan kepada Judicial Committee of the Privy Council di London. Lee Meng diwakili oleh dua orang peguam terkemuka di London iaitu Dingle Foot dan Wee Phaik Gan (FO 371/106276, Mr. MacKintosh, Lee Meng-Telegram, No. 238 From Malaya, 12th March 1953; *The Straits Times* 20 Disember 1952; 13 Ogos 1960). Walau bagaimanapun, rayuan ini ditolak pada 16 Februari 1953 dan Lee Meng pula masih menunggu dalam Penjara Taiping terhadap keputusan kesnya. Dalam menyokong rayuan Lee Meng kepada Privy Council untuk membantah hukuman mati ke atasnya, *Nanyang Siang Pau* (1 Disember 1952 dipetik daripada Harper 1999, 157) berpandangan bahawa:

This speaks of the dignity of British Law which is not affected by the Emergency in Malaya. It also speaks of the advantage of democracy over totalitarianism, in that the former at least assures the people of their legitimate human rights. Malaya is unfortunately involved in the tragic world struggle between the Communist and non-Communist bloc. In accusing each other, both have gone too far to the extreme. We wish the Malayan authorities would replace this struggle of retaliation by a rule of benevolence. This would win the hearts of people and would achieve more than a 100,000 troops.

Dalam perbicaraan kes Lee Meng, dapat dilihat beberapa ketidakadilan dalam dakwaan terhadap pesalah dari Asia. Pertama, kes yang melibatkan seorang Asia tetapi dihakimi oleh hakim dari Eropah dan juga penilai dari Eropah. Walaupun dalam perbicaraan awal, kedua-dua penilai dari Asia mendapati Lee Meng tidak bersalah tetapi keputusan itu tidak dapat memuaskan pihak pengadilan. Keadaan itu menyebabkan perbicaraan kali kedua diadakan dengan kehadiran penilai dari Asia dan Eropah serta hakim dari Eropah. Sekali lagi penilai dari Asia mendapati Lee Meng tidak bersalah dalam kes ini manakala penilai Eropah bersama-sama dengan hakim dari Eropah mendapati Lee Meng bersalah. Di sini dapat dilihat berlaku percanggahan dalam pengadilan dan keputusan kes antara orang Eropah dan Asia. Kedua, Lee Meng didakwa bersalah kerana membawa bom tangan tetapi sebenarnya Lee Meng ditangkap kerana dokumen komunis yang dijumpai di bilik sewanya di Ipoh. Identiti sebenar Lee Meng adalah seorang komunis wanita yang berperanan penting dalam sistem jalinan komunikasi PKM yang membolehkan Jawatankuasa Pusat PKM menyalurkan rancangan penting dan berhubung dengan pemimpin lain serta anggota komunis di merata tempat di negeri-negeri Melayu.

Namun pada ketika itu, Lee Meng tidak dapat didakwa atas penglibatannya dalam kegiatan tersebut kerana ia akan menjejaskan usaha pihak cawangan khas dalam menjejaki dan memerangkap pemimpin serta anggota komunis yang lain (CO 1022/211, *The Security Forces Weekly Intelligence Summary*). Justeru, Lee Meng dituduh membawa bom tangan yang boleh dijatuhkan hukuman mati jika didapati bersalah.² Dalam kes ini, akhirnya Lee Meng diputuskan bersalah oleh mahkamah dan dijatuhi hukuman mati.

REAKSI MASYARAKAT TEMPATAN DAN ANTARABANGSA

Kes Lee Meng telah mendapat perhatian daripada masyarakat tempatan dan antarabangsa. Hal ini kerana kes ini melibatkan seorang wanita Cina muda yang dituduh mengambil bahagian dalam gerakan komunis di negeri-negeri Melayu yang boleh membahayakan ketenteraman awam dan keselamatan negara. Justeru, lahirlah perasaan simpati dan belas kasihan terhadap nasib Lee Meng dalam kalangan masyarakat khususnya orang Cina. Rayuan demi rayuan ke atas kes yang sama telah dikemukakan oleh peguam bela wanita ini iaitu daripada perbicaraan di Ipoh sehingga rayuan dihantar ke Kuala Lumpur dan London. Sebaik sahaja Lee Meng dijatuhi hukuman, beribu-ribu penduduk berhimpun di luar mahkamah mempersoalkan tentang sistem kehakiman British. Mereka meminta supaya sistem pengadilan yang sedia ada dibubarkan dan diganti dengan sistem juri di Persekutuan Tanah Melayu. Cadangan yang ditandatangani oleh lebih 2,000 orang awam itu kemudian dibaca dalam Majlis Legislatif Persekutuan. Namun begitu, cadangan itu ditolak oleh kerajaan British pada ketika itu (*The Straits Times* 18 Julai 1968). Di Kuala Lumpur juga usaha untuk membela nasib Lee Meng terus dilakukan, antaranya oleh pemimpin Malayan Chinese Association (MCA), iaitu Tan Cheng Lock. Beliau menghantar surat rayuan kepada Sultan Perak untuk memohon perkenan baginda mengampunkan kesalahan yang dilakukan oleh Lee Meng. Bagi Tan Cheng Lock, Lee Meng tidak memperoleh perbicaraan yang adil di bawah sistem kehakiman yang wujud di negeri-negeri Melayu pada ketika itu. Tan Cheng Lock juga menegaskan sekiranya Lee Meng ditangkap di Pulau Pinang, Melaka atau Singapura, beliau akan dibicarakan di hadapan juri yang lebih adil dan saksama tidak seperti dalam kes perbicaraan Lee Meng tersebut (*The Straits Times* 1 Mac 1953; Ward dan Miraflor 2003, 345). Dengan itu, kesedaran tentang kelemahan sistem pengadilan British di Tanah Melayu telah menambahkan lagi perasaan belas kasihan masyarakat terhadap kes Lee Meng.

Dalam perkembangan lain, setelah rayuan kes ditolak oleh pihak di Kuala Lumpur dan London, sebagai langkah terakhir, peguambela Lee Meng menghantar surat rayuan kepada Sultan Perak. Surat rayuan ini mengandungi 50 tandatangan daripada ahli-ahli Parlimen Britain. Pada masa yang sama, peguam yang mewakili

Lee Meng di London telah bertindak mengadakan persidangan akhbar menguar-uarkan kisah Lee Meng dan menjelaskan perbicaraan yang disifatkan sebagai tidak adil telah diadakan. Selain itu, kes Lee Meng juga menarik perhatian seorang ahli parlimen di London, Sir Leslie Plummer.³ Beliau mempersoalkan keputusan perbicaraan terhadap Lee Meng lalu bertemu dengan Setiausaha Tanah Jajahan dan meminta supaya hukuman terhadap Lee Meng ditarik balik (Ward dan Mirafior 2003, 345). Dengan itu juga, kes Lee Meng tersebar di peringkat antarabangsa dan mendapat perhatian serta pembelaan golongan sosialis yang berpengaruh di London pada ketika itu (FO 371/106276, Extract from House of Commons Debates, 14th April 1953; FO 371/106276, New Chronicle, “Cabinet May Act on Lee Meng Today”, 10th March 1953). Antaranya, pertubuhan pekerja di London telah bersuara menyokong pembebasan Lee Meng dan ditubuhkan pula Lee Tian Tai Defence Committee. Jawatankuasa itu berjaya memperoleh sejumlah 6,000 tandatangan dan mewujudkan sebuah tabung untuk tujuan mengadakan rayuan kepada pihak pentadbiran supaya membebaskan Lee Meng dari tahanan. Dilaporkan juga gerakan yang berpusat di London ini turut memperoleh sokongan daripada pertubuhan pekerja dan wanita dari India, Sri Lanka, Australia, Nepal, Jerman dan Finland [CO 1022/5, Lee Ten Tai (Lee Meng)]. Mereka memberi perhatian terhadap nasib seorang wanita yang tidak memperoleh pengadilan yang sewajarnya dari pihak penjajah British. Tindakan British dalam kes Lee Meng juga dilihat sebagai seseorang itu kehilangan hak kebebasan dan keadilan demokrasi kerana tertekan oleh penjajah. Keadaan ini ditambah lagi dengan tarikh 8 Mac 1953 adalah sambutan Hari Wanita Antarabangsa, iaitu hari untuk memperjuangkan pembebasan wanita sedunia (*Freedom News* 15 Mac 1953, dipetik daripada Ramakrishna 2008, 123). Justeru, kes Lee Meng pada ketika itu telah menjadi perhatian golongan sosialis dan gerakan wanita di negara Eropah dan Asia. Perkara ini sangat menarik untuk diteliti kerana sebelum itu tidak pernah berlaku gerakan yang memperjuangkan kebebasan seseorang dengan mendapat simpati dan sokongan meluas dari dalam dan luar negara seperti kes Lee Meng.

Ketika masyarakat setempat dan pemimpin serta pertubuhan antarabangsa menyuarakan perasaan tidak menyenangkan tentang kes Lee Meng, kesempatan diambil oleh kerajaan Hungary untuk membuat tawaran pertukaran dengan Britain. Dengan itu, kes Lee Meng menjadi semakin menarik perhatian antarabangsa kerana Hungary menawarkan pertukaran antara Lee Meng dengan Edgar Sanders (CAB 129/59, C. (53) 98 Cabinet: Mr. Edgar Sanders and Lee Meng, 13th February 1953; FO 371/106276, Proposed Exchange of Mr. Edgar Sanders and Lee Meng, 10th February 1953; *Sunday Standard* 1 Mac 1953). Edgar Sanders berusia 49 tahun, merupakan seorang ahli perniagaan British yang telah ditangkap di Budapest pada November 1949. Beliau merupakan bekas kapten tentera British dan mengikat kontrak selama tiga tahun dengan Syarikat Standard Electric berpejabat di Budapest. Beliau ditangkap oleh pihak berkuasa Hungary atas tuduhan melakukan

pengintipan dan menghantar maklumat sulit kepada agensi perisikan British. Selain Sanders, beberapa orang lain turut ditangkap termasuk Robert Vogeler, seorang warga Amerika Syarikat, dua orang warga Hungary, iaitu Edina Dory, seorang operator telefon dan Imre Geiger, seorang pegawai di syarikat yang sama dengan Sanders dan Vogeler. Setelah mengaku bersalah, Sanders dijatuhkan hukuman penjara selama 13 tahun, Vogeler 15 tahun dan kedua-dua warga Hungary pula dijatuhkan hukuman mati. Ketika tawaran pertukaran dengan Lee Meng dilakukan, Sanders telah pun menjalani hukumannya selama tiga tahun (FO 371/106276, Edgar Sanders; *The Singapore Free Press* 18 February 1950; *The Straits Times* 22 Februari 1950; *Singapore Standard* 22 Julai 1953). Tawaran kerajaan Hungary ini disifatkan oleh pihak *Foreign Office* sebagai satu tindakan bersama oleh negara-negara blok komunis dengan diterajui oleh Soviet Union [FO 371/106279, No. 254 (1650/34/62), British Legation Budapest, 29th December 1952]. Pandangan ini selaras dengan komen daripada akhbar *The Singapore Free Press*, 2 Mac 1953:

The girl is not a Communist of world importance. She has become news merely because the circumstances of her trial and condemnation to death have stirred up a wave of public emotion. Yet the satellites of Stalins for her sake are prepared to give up a prisoner to secure whose release Britain had tried every diplomatic resource. Clearly, what the Kremlin wants is not Lee Meng's life but the hearts of Asians.

Walau bagaimanapun, kes Lee Meng menyebabkan buat pertama kalinya negara-negara blok komunis di Eropah memberi perhatian secara terbuka terhadap perkembangan komunis yang sedang berlaku di Tanah Melayu. Di pihak yang lain, tawaran tersebut telah menimbulkan tanda tanya pihak akhbar dan radio di Tanah Melayu, Britain dan Amerika tentang kedudukan Lee Meng dalam PKM. Pihak media mengesyaki Lee Meng semestinya adalah “Top Red”, “a Chinese Communist leader”, “being a top-ranking Red”, “leading terrorist” dan sebagainya yang menyebabkan beliau diberi perhatian sebagai subjek pertukaran dengan Sanders [CO 1022/5, Lee Ten Tai (Lee Meng)]. Pada ketika itu, nama Lee Meng semakin tersebar di negara-negara Eropah dan kisahnya juga mula mendapat perhatian.

Dalam hal ini, isteri dan keluarga Sanders mendesak *Foreign Office* untuk menerima tawaran kerajaan Hungary, namun Perdana Menteri Britain, Winston Churchill menolaknya kerana beliau melihatnya sebagai “barter of human lives” (Leon Comber, 2008; CO 1022/5, Lee Ten Tai (Lee Meng); FO 371/106276, Magyar Kulügyministerium “Aide Memories”. Rujuk juga *The Singapore Free Press* 3 Mac 1953; *The Straits Times* 3 Mac 1953). Ketika berucap dalam Parlimen Britain, Churchill menolak sama sekali tawaran untuk menukarkan Lee Meng dengan Sanders. Beliau menyebut, “There is no question

of bartering a human life or deflecting the course of justice or mercy in Malaya for the sake of securing the release of a British subject unjustly imprisoned in Hungary” (*The Singapore Free Press* 3 Mac 1953; *The Straits Times* 3 Mac 1953; 15 Julai 1968). Walau bagaimanapun, beliau menyatakan usaha akan dilakukan untuk membebaskan Sanders, “Every effort will continue to be made by Her Majesty’s government to induce the Hungarian Communist government to release Mr. Sanders with whose family and friends we express our deepest sympathy” (*The Straits Times* 3 Mac 1953). Penolakan tawaran penukaran Sanders dengan Lee Meng oleh Churchill setelah beliau mengetahui keadaan sebenar penangkapan Lee Meng (FO 371/106279, Daily Worker, “Churchill Reject’s Girl for Spy Exchange”, 3rd March 1953). Noel Barber (1971, 160) juga mengatakan, “... Churchill decided against it [Sanders exchange] after receiving from Special Branch in Kuala Lumpur a dossier showing just how important a CT Lee Meng had been”.

Pada masa yang sama, Pesuruhjaya Tinggi British di Tanah Melayu, Jeneral Sri Gerald Templer dan Pesuruhjaya British bagi Asia Tenggara, Malcolm MacDonald turut menentang sebarang bentuk pertukaran dilakukan. Pertukaran dengan Lee Meng dilihat dapat membawa implikasi yang cukup besar kepada pihak British. Pembebasan Lee Meng juga akan menjadi bahan propaganda kepada PKM dan gerakan komunis di Tanah Melayu secara keseluruhannya (Barber 1971, 160). Jeneral Sri Gerald Templer juga melihat tawaran pertukaran itu dapat memperluaskan lagi pengaruh komunis dunia dan mengundang kepada bahaya perjuangan bersenjata pemimpin komunis di Moscow dan Peking yang selama ini kerajaan sedang berusaha untuk membanterasnya [CAB 129/59, Appendix 1: From Federation of Malaya (General Sir G. Templer)]. Pandangan Sir Gerald Templer menjadi lebih jelas lagi dalam telegram bertarikh 10 Mac 1953 yang dihantarnya kepada Setiausaha Tanah Jajahan yang antaranya berbunyi:

The life of one Malayan terrorist on the one hand and the life of a Briton gaoled in Hungary on the other hand (with all my sympathy and apologies to Mrs. Sanders) are, in my humble view, unimportant to the vital strength of the world of freedom now fighting against Communism. (CAB 129/59, Telegram of 10th March, 1953 from The High Commissioner for The Federation of Malaya to The Secretary of State for The Colonies)

Begitu juga Malcolm MacDonald dan Jeneral Templer turut berpandangan kedua-dua kes merupakan kes yang berasingan dan ia dapat menjejaskan imej British sebagai pentadbir dan penjajah di Tanah Melayu (Comber 2008, 234–235; 2015, 149). Pada masa yang sama, Pejabat Tanah Jajahan juga menunjukkan sikap kurang setuju dengan tawaran pertukaran Lee Meng dengan Sanders.

Hal ini dapat dilihat melalui pernyataan yang dikeluarkan oleh Pejabat Tanah Jajahan bahawa:

We should avoid any action which might have a tonic effect on Communist morale in Malaya and I accept the High Commissioner's view that an exchange of Mr. Sanders for Lee Meng while she is under sentence of death could do great harm. [CAB/129/59, C. (53) 98 Cabinet: Mr. Edgar Sanders and Lee Meng, 13th February 1953]

Kerajaan British bersetuju dengan pandangan pegawai-pegawai tersebut dengan menegaskan "to let Lee Meng go would risk an upsurge of terrorism throughout Malaya. The communists would see such as evidence of the weakness." (*The Straits Times* 15 Julai 1968). Di sini dapat dilihat pihak British khuatir tentang kemungkinan komunis mengambil kesempatan bagi memperhebatkan gerakan mereka di Tanah Melayu. Keadaan ini membahayakan keselamatan negeri-negeri Melayu dan menjejaskan imej British dalam menentang gerakan komunis.

Walau bagaimanapun, pada pertengahan Februari 1953, seramai lebih 50 orang anggota Parti Buruh yang juga ahli Parlimen Britain mengemukakan surat rayuan kepada Yang Maha Mulia Sultan Perak, Sultan Yussuff Izzuddin Shah supaya tidak menjatuhkan hukuman mati terhadap Lee Meng. Perkara utama dalam surat rayuan berkenaan adalah supaya Lee Meng tidak dijatuhi hukuman mati memandangkan keadaan di Tanah Melayu semakin baik; sekiranya hukuman mati tidak dilaksanakan ia akan menjadi satu petunjuk bahawa pentadbiran yang kuat dan kukuh telah dapat diwujudkan di Tanah Melayu dan kerajaan tidak perlu bimbang terhadap ancaman komunis. Pada masa yang sama, sementara menunggu keputusan Sultan Perak, mereka juga menghubungi Pesuruhjaya Tinggi British Persekutuan Tanah Melayu supaya menangguhkan pelaksanaan hukuman mati ke atas Lee Meng (*Sin Chew Jit Poh* 20 Februari 1953) (Rajah 2). Surat rayuan berkenaan kemudian dibincangkan dalam mesyuarat Majlis Eksekutif Perak yang diadakan di Ipoh pada 2 Mac 1953 (*The Straits Times* 3 Mac 1953).

Kes Lee Meng akhirnya mendapat pertimbangan daripada Sultan Perak setelah baginda menimbang kembali rayuan daripada pihak tempatan dan luar negara. Pada 9 Mac 1953, baginda memperkenankan untuk menukarkan hukuman mati yang dijatuhkan kepada Lee Meng dengan hukuman penjara seumur hidup di bawah Federation of Malaya Agreement 1948 (Clause 15). Keputusan itu diumumkan secara rasmi di Ipoh, Perak berikutan mesyuarat mingguan Majlis Eksekutif Perak. Keputusan ini diambil oleh Sultan Perak dengan nasihat daripada Majlis Eksekutif Perak selepas mengambil kira rayuan daripada sekumpulan lebih 50 orang ahli Parlimen Britain, MCA dan beberapa pertubuhan lain serta individu [CO 1022/5, Lee Ten Tai (Lee Meng); *Sin Chew Jit Poh* 10 Mac 1953; 11 Mac 1953; *The Mercury* 10 Mac 1953, 2; *The Glasgow Herald* 10 Mac 1953].

Tidak lama kemudian Edgar Sanders pula dibebaskan oleh pihak berkuasa di Hungary dan isu membabitkan pertukaran beliau dengan Lee Meng pun berakhir. Lee Meng berada dalam tahanan penjara selama 11 tahun sehingga tahun 1964 apabila kerajaan Malaysia memutuskan untuk menghantarnya ke negara China. Dengan itu, Lee Meng bertemu kembali dengan ibunya yang dihantar ke China kerana pembabitannya dalam kegiatan komunis oleh kerajaan British di Tanah Melayu sejak awal tahun 1950. Tidak lama selepas tiba di China, Lee Meng berkahwin dengan Chen Tien, rakan seperjuangan ketika berada dalam hutan di Tanah Melayu yang juga seorang anggota kanan PKM Politburo, namun kemudian mereka telah berpisah (Comber 2008, 236; 2015, 157).



Rajah 2: Laporan akhbar *Sin Chew Jit Poh*, 20 Februari 1953 tentang rayuan daripada ahli Parlimen Britain kepada Sultan Perak supaya Lee Meng tidak dijatuhi hukuman mati.

KESIMPULAN

Lee Meng atau Lee Ten (Tian) Tai, seorang wanita muda yang diberi kepercayaan oleh pucuk pimpinan PKM dalam penghantaran maklumat parti. Kisah Lee Meng menunjukkan wanita turut diberi tanggungjawab penting dan berat dalam gerakan komunis dan sangat menarik untuk dikaji. Lee Meng memainkan watak terpenting

dalam jaringan sistem komunikasi bawah tanah PKM di negeri-negeri Melayu pada zaman darurat. Tugas ini menjadikan Lee Meng sebagai individu penting dalam kegiatan komunis kerana jaringan komunikasi merupakan teras kepada pergerakan PKM di negeri-negeri Melayu. Walau bagaimanapun, akhirnya pihak cawangan khas dapat mengesan jaringan komunikasi PKM setelah sekian lama menjejaknya dari Singapura sehingga ke Kuala Lumpur dan Perak, lalu ketua kuriernya, Lee Meng dapat ditangkap dan dijatuhi hukuman. Di sini dapat dilihat kesabaran dan kebijaksanaan pihak cawangan khas dalam membongkar jalinan komunikasi PKM di Tanah Melayu pada zaman darurat. Kajian ke atas kes Lee Meng adalah penting kerana ia berjaya meraih perasaan belas kasihan daripada masyarakat setempat terhadap kisah dramatik yang menimpa wanita ini. Kes ini turut mendapat perhatian daripada beberapa pemimpin dan pertubuhan tempatan serta luar negara, termasuk Sultan Perak, Tan Cheng Lock (pemimpin MCA), Winston Churchill (Perdana Menteri Britain), ahli Parlimen Britain serta pertubuhan buruh dan wanita dari beberapa buah negara Eropah. Bagi sesetengah pihak, Lee Meng tidak mendapat keadilan dalam perbicaraan di mahkamah kerana pengaruh British yang kuat pada ketika itu. Keadaan itu membangkitkan perjuangan untuk membela ketidakadilan dan nasib wanita berkenaan. Pada masa yang sama, kes Lee Meng turut dilaporkan bukan sahaja terdapat dalam akhbar tempatan tetapi juga akhbar luar negara. Hal ini kerana kes berkenaan melibatkan tawaran oleh kerajaan Hungary untuk melakukan pertukaran antara Lee Meng dengan Edgar Sanders, seorang ejen perisik British yang ditangkap dan dipenjarakan di Hungary. Daripada kajian ini, didapati bahawa kes Lee Meng yang berbangkit pada ketika itu secara kebetulan telah digunakan oleh pihak komunis sebagai subjek mereka untuk menunjukkan kekuatan dan pengaruh komunis kepada masyarakat umum dan kerajaan British. Keadaan yang sebenarnya, Hungary dan sekutunya tidak mengambil berat pun tentang siapa Lee Meng dan peranannya dalam gerakan PKM mahupun nasib seseorang anggota komunis. Sebaliknya, komunis hanya ingin mengambil kesempatan yang ada dan mempergunakan emosi orang awam untuk meningkatkan imej serta perjuangan mereka di negara-negara yang dijajah British termasuklah Tanah Melayu. Melalui cara itu, komunis dapat memenangi hati masyarakat di Asia dan ini dapat memudahkan gerakan serta perjuangan mereka di negara-negara Asia yang sedang bergelut dengan masalah komunis. Jelas bahawa kes wanita komunis ini menjadi kes yang menggemparkan dunia kerana ia tersepit antara dua kuasa yang bermusuhan di Tanah Melayu iaitu komunis dan British selain menarik perhatian pemimpin, pejuang sosialis dan pertubuhan wanita antarabangsa untuk membela nasib wanita ini. Justeru, kes Lee Meng ini sangat penting untuk diteliti kerana ia mampu mempengaruhi kedudukan pentadbiran British dan gerakan komunis di Tanah Melayu khususnya.

NOTA

1. Irene Lee adalah seorang anggota cawangan khas yang sangat berkaliber. Beliau menyertai cawangan khas setelah suaminya, juga seorang anggota detektif, mati dibunuh oleh komunis pada awal zaman darurat (Barber 1971, 149–150).
2. Di bawah Undang-undang Darurat yang dikuatkuasakan mulai Jun 1948, antara kesalahan yang boleh dijatuhi hukuman mati ialah membawa senjata api termasuklah bom tangan. Golongan ini dilihat sebagai mereka yang berbahaya dan boleh mengancam keselamatan negeri-negeri Melayu. Usaha ini sebenarnya adalah antara usaha kerajaan dalam mengelakkan penggunaan dan pengedaran senjata api dan bom tangan dengan mudah oleh penduduk serta mengelakkan rampasan oleh pihak komunis (Ho Hui Ling 2010, 54; Sel. Sec. 2114/1949, Chronology of Important Events During The Emergency in Malaya for The Period June 1948 to June 30th 1949; CO 717/167/52849, Extract from *Straits Budget*, 22 March 1949; CO 717/167/52849, *Daily Telegraph*, 23 March 1949).
3. Sir Leslie Plummer, seorang anggota Parti Buruh yang menjadi ahli Parlimen Britain. Beliau berusaha memperjuangkan agenda untuk menentang diskriminasi kaum dan melindungi kumpulan itu daripada penindasan dan ketidakadilan. Latar belakang politik dan perjuangan ini telah mempengaruhi pandangannya terhadap kes Lee Meng yang tidak mendapat keadilan dalam perbicaraan. Selain itu, beliau juga melihat bahayanya niat kerajaan Hungary bahawa “I don’t believe the Hungarian Government cares about a red cent about her (Lee Meng) as a Communist, but it does see that the chance of trying to show that the Communists are the best friends of the Asians is too good to be missed ... And so, quite cynically, they take advantage of what I believe to be an act of injustice”. Beliau kemudian telah mengetuai usaha untuk memperoleh tandatangan 50 orang ahli Parlimen Britain dalam surat rayuan yang dihantar kepada Sultan Perak pada tahun 1953 (*The Straits Times* 7 Mac 1953).

RUJUKAN

Sumber Primer

- CAB 129/59. Appendix 1: From Federation of Malaya (General Sir G. Templer).
CAB 129/59. C. (53) 98 Cabinet: Mr. Edgar Sanders and Lee Meng, 13th February 1953.
CAB 129/59. Telegram of 10th March 1953 from The High Commissioner for The Federation of Malaya to The Secretary of State for The Colonies.
CO 717/167/52849. Extract from *Straits Budget*, 22 March 1949.
CO 717/167/52849. *Daily Telegraph*, 23 March 1949.
CO 1022/5. Lee Ten Tai (Lee Meng).
CO 1022/211. The Security Forces Weekly Intelligence Summary.
FO 371/106275. From Singapore to Foreign Office, 24th January 1953.
FO 371/106276. Magyar Kulugyministerium “Aide Memories”.

- FO 371/106276. Edgar Sanders.
- FO 371/106276. Proposed Exchange of Mr. Edgar Sanders and Lee Meng, 10th February 1953.
- FO 371/106276. New Chronicle, "Cabinet May Act on Lee Meng Today", 10th March 1953.
- FO 371/106276. Mr. MacKintosh, Lee Meng-Telegram, No. 238 from Malaya, 12nd March 1953.
- FO 371/106276. Extract from House of Commons Debates, 14th April 1953.
- FO 371/106279. No. 254 (1650/34/62), British Legation Budapest, 29th December 1952.
- FO 371/106279. Daily Worker, "Churchill Reject's Girl for Spy Exchange", 3rd March 1953.
- Sel. Sec. 2114/1949. Chronology of Important Events During The Emergency in Malaya for The Period June 1948 to June 30th 1949. Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

Sumber Sekunder

- Azaharudin Mohamed Dali. 2014. *Sejarah perisikan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Barber, N. 1971. *The war of running dogs*. London: Collins.
- Chin, A. 1995. *The communist party of Malaya: The inside story*. Kuala Lumpur: Vinpress Sdn. Bhd.
- Clutterbuck, R. 1967. *The long long war: The Emergency in Malaya 1948–1960*. London: Cassell and Company Limited.
- Comber, L. 2008. *Malaya's secret police 1945–60: The role of the special branch in the Malayan Emergency*. Australia and Singapore: Monash Asia Institute, Institute of Southeast Asian Studies.
- . 2015. *Templer and the road to Malayan independence*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Crisp, R. 2004. *Life as the river flows: Women in the Malayan anti-colonial struggle* (as told to Agnes Khoo). Petaling Jaya: The Strategic Information and Research Development Centre (SIRD).
- Harper, T.N. 1999. *The end of empire and the making of Malaya*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Ho Hui Ling. 2004. *Darurat 1948–1960: Keadaan sosial di Tanah Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- . 2010. *Pembanterasan Komunis di Tanah Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- . 2015. *Pergerakan bersenjata Parti Komunis Malaya 1968–1989: Kebangkitan semula dan penumpasannya*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- K. Ramakrishna (introduction by). 2008. *Freedom News, The untold story of the communist underground publication*. Singapore: S. Rajaratnam School of International Studies.
- Mahani Musa. 2013. Women in the Malayan Communist Party, 1942–89. *Journal of Southeast Asian Studies* 44(2): 226–249.

- Mohamed Salleh Lamry. 2011. *Siti Norkiah Mahmud: Srikandi dari Pahang Utara*. Petaling Jaya: The Strategic Information and Research Development Centre (SIRD).
- Nanyang Siang Pau*. 1 December 1952.
- Shamsiah Fakeh. 2007. *Memoir Shamsiah Fakeh: Dari AWAS ke Rejimen Ke-10*. Petaling Jaya: The Strategic Information and Research Development Centre (SIRD).
- Short, A. 1975. *The communist insurrection in Malaya 1948–1960*. London: Frederick Muller.
- _____. 2000. *In pursuit of mountain rats: The communist insurrection in Malaya*. Singapore: Cultured Lotus.
- Sin Chew Jit Poh*. 20 February 1953.
- _____. 10 March 1953
- _____. 11 March 1953
- _____. 21 March 1953.
- Singapore Standard*. 19 March 1952.
- _____. 21 August 1952.
- _____. 23 February 1953.
- _____. 20 May 1953.
- _____. 22 July 1953.
- _____. 21 August 1953.
- _____. 22 August 1953.
- Sunday Standard*. 1 March 1953.
- Suriani Abdullah. 2006. *Memoir Suriani Abdullah: Setengah abad dalam perjuangan*. Petaling Jaya: The Strategic Information and Research Development Centre (SIRD).
- Tay, C.H. 2007. *Lee Meng Kuo Shu Li Shi (Sejarah lisan dari Lee Meng)*. Petaling Jaya: The Strategic Information and Research Development Centre (SIRD).
- The Glasgow Herald*. 10 March 1953.
- The Mercury*. 10 March 1953.
- The Singapore Free Press*. 18 February 1950.
- _____. 2 March 1953.
- _____. 3 March 1953.
- _____. 21 July 1953.
- _____. 13 August 1953.
- The Straits Times*. 22 February 1950.
- _____. 10 March 1952.
- _____. 3 September 1952.
- _____. 9 September 1952.
- _____. 11 September 1952.
- _____. 8 October 1952.
- _____. 20 December 1952.
- _____. 1 March 1953.
- _____. 3 March 1953.
- _____. 7 March 1953.

_____. 10 March 1953.

_____. 13 August 1960.

_____. 29 January 1964.

_____. 15 July 1968.

_____. 18 July 1968.

Ward, I. and N. Mirafior, eds. 2003. *Chin Peng: My side of history*. Singapore: Media Masters Pte. Ltd.